

**Dr M tepis dakwaan digunakan BN untuk tarik sokongan pengundi
Malaysian Insider
April 6, 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis**

SHAH ALAM, 6 April — Mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menepis dakwaan dirinya dipergunakan Barisan Nasional (BN) untuk meraih sokongan rakyat kepada gabungan pemerintah tersebut.

Sebaliknya beliau menegaskan, dirinya yang menggunakan BN bagi mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang pernah menyokongnya semasa 22 tahun menjadi perdana menteri.

“Bukan BN gunakan saya, saya gunakan BN untuk ucapkan terima kasih. Dulu BN sokong saya sampai boleh jadi perdana menteri selama 22 tahun.

“Tak patutkah saya ucap terima kasih, semasa saya masih segar dan sihat ke mana-mana pun nak ucap terima kasih ... ini saja peluang. Masa pilihan raya ada peluang jumpa semua orang, mereka semua sokong saya dulu,” katanya ketika sidang media selepas berucap dalam majlis anjuran Pertubuhan Pribumi Perkasa Kebangsaan (Perkasa) di sini petang tadi.

Dr Mahathir (gambar) dilihat kerap turun padang mengadakan lawatan dalam pelbagai program anjuran BN yang dikatakan pembangkang sebagai “dipergunakan BN bagi meraih sokongan pengundi.”

Dalam kempen PR baru-baru ini, Datuk Seri Anwar Ibrahim berjanji untuk menarik balik kontrak Petronas bernilai jutaan ringgit yang dianugerahkan kepada anak Dr Mahathir, sambil menambah ia adalah salah satu langkah awal Pakatan Rakyat (PR) menghentikan kronisma sebaik sahaja memenangi Pilihan Raya 2013.

Dalam satu ceramah di Taman Semarak, Ketua Pembangkang itu mengkritik hebat musuh ketatnya kerana menguruskan syarikat minyak negara terkaya seperti syarikat keluarga.

“Pertama, dalam masa 24 jam Pakatan bersumpah akan menurunkan harga minyak di seluruh negara,” katanya kepada ribuan orang ramai hadir daripada kawasan sekitar di Hulu Perak.

“Nombor dua, adalah kontrak minyak ini. Adakah anda berfikir di bawah Najib ia akan ditarik balik? No. Tetapi jika kita mengambil alih, saya ingin memberitahu Dr Mahathir — Saya Anwar, bukan seperti Najib.

“Najib takut kepada kamu tetapi saya tidak. Saya tidak mempunyai niat untuk menjadi kejam kepada kamu atau membalas dendam, tetapi kontrak berbilion ringgit yang diberikan kepada anak anda, saya hentikannya, saya mahu memberinya kembali kepada semua rakyat Malaysia di seluruh negara,” katanya.

Datuk Mokhzani Mahathir adalah sebahagian pemilik dan naib presiden Sapura Kencana Petroleum Bhd, syarikat memiliki kepakaran dalam minyak dan gas (O & G) yang telah dianugerahkan kontrak pengeluaran berisiko yang bernilai RM836 juta daripada syarikat minyak negara Petronas Bhd.

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-m-tepis-dakwaan-digunakan-bn-untuk-tarik-sokongan-pengundi/>